

BAB II

DAKWAH DAN MURTAD

2.1 PENDAHULUAN

Islam telah meletakkan tanggungjawab dakwah ke atas umatnya bagi tujuan menegakkan kebenaran dan menghapuskan kebatilan berdasarkan ajaran Islam yang telah disampaikan oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Amanah dakwah ini merupakan penerusan kepada usaha gigih para rasul dalam menyebarkan Islam ke serata alam. Dalam erti kata yang lain, kelalaian daripada melaksanakan amanah dakwah akan mengakibatkan berlakunya kerosakan dan kebinasaan kepada fitrah manusia dan keaslian alam. Kerosakan yang paling dahsyat ialah apabila terputusnya ikatan Islam dan iman iaitu murtad dari diri seseorang yang telah pernah mengakui keesaan Allah dan Muhammmad itu pesuruh Allah.

Pada bab yang kedua ini penulis akan mengemukakan perbincangan dan kajian mengenai perspektif dakwah dan murtad yang menjadi asas utama kepada disertasi yang bertajuk: “Peranan Institusi Dakwah Dalam Menangani Masalah Murtad di Lembah Klang”. Seterusnya penulis juga akan membincangkan mengenai tugasan dakwah dan bencana murtad dari berbagai sudut menurut perspektif Islam.

2.2 PENGERTIAN DAKWAH

Bagi membuka lembaran kajian ini, terlebih dahulu akan dikemukakan definisi dan pengenalan kepada maksud dan konsep dakwah.

2.2.1 Pengertian Dari Segi Bahasa

Menurut *Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, perkataan dakwah berasal daripada perkataan Arab; *da'a, yad'u, da'atan*, yang membawa maksud:

“menjemput, menyeru, mengajak atau memanggil”¹.

Manakala *Ibn Manzur* pula memberikan pengertian dakwah dengan makna:

“Menyeru semata-mata menggalakkan seseorang melaksanakan cita-cita tertentu atau milarangnya daripada sesuatu”².

Kedua-dua takrif tersebut bersesuaian dengan beberapa firman Allah yang terkandung di dalamnya kalimah *da'a* ataupun dakwah. Antaranya firman Allah s.w.t yang berbunyi:

¹ Muṣṭafā Ghayālīnī, *Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, (tt), Percetakan al-'Arabiah li al-Tarbiyah, hal 452

² Ibn. Manzūr, Abu Faḍl Jamāl al-Ddīn Muḥammad bin Makram, *Lisān al-'Arab*, (1990), jld 4, Beirut, Dār al-Sa'd, hal 257

³ يَا يَاهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَجِيبُو لَهُ وَلِرَسُولٍ إِذَا دَعَاهُمْ لِمَا يَحِبُّهُمْ

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan rasulNya apabila ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna."

Firman Allah lagi :

*وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطِ
الْمُسْتَقِيمِ*

Maksudnya :

"Dan Allah menyeru kepada kesejahteraan dan Dia memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya menuju ke jalan yang benar."⁴

Sebagai kesimpulannya maksud dakwah menurut bahasa ialah mengajak, memanggil dan menyeru manusia kepada sesuatu maksud dan tujuan yang tertentu ataupun melarang mereka untuk matlamat yang tertentu khususnya bagi tujuan kebaikan.

2.2.2 Pengertian Dakwah Dari Segi Istilah

Pengertian dakwah dari segi istilah telah diuraikan oleh para ulama dalam berbagai pengertian. Berikut penulisnya bentangkan pandangan-pandangan mereka, di antaranya ialah:

³ Al-Anfāl: 24

⁴ Yunus:25

i) Dr ‘Ali Mahfūz mentakrifkan dakwah dengan maksud:

*“Dakwah itu adalah menyeru manusia kepada kebaikan dan hidayah Allah, menyuruh membuat makruf dan melarang melakukan perkara mungkar supaya mereka itu berjaya mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat”*⁵.

ii) Syaykh Muṣlih Bāyūmī pula menyatakan

*“Berdakwah bererti menyelamatkan manusia dari kesesatan atau kejahatan dan mengingatkan mereka supaya menjauhi perkara-perkara yang boleh menyebabkan mereka mendapat balasan azab Allah.”*⁶

ii) Di dalam Ensiklopedia Of Islam, dakwah telah ditakrifkan dengan maksud:

*“Dakwah menurut kacamata agama Islam ialah ajakan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah dan RasulNya yang bertujuan agar mereka percaya dan yakin kepada agama yang sebenarnya iaitu Islam”*⁷

iii) Manakala Syaykh Muḥammad al-Ghazālī telah menyatakan tentang dakwah dengan katanya;

*“Dakwah adalah satu perancangan yang lengkap dan mencakupi semua peringkat, mengandungi ilmu pengetahuan yang diperlukan manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup serta menyingkap petunjuk jalan yang membawa kepada petunjuk dan hidayah bagi mereka”*⁸

⁵ ‘Ali Mahfūz, *Hidāyah al-Mursyidin*, (1958), Qaherah: Maṭba’ah ‘Uṣmāniyāh, hal 170

⁶ Muṣlih Bayūmī, *Ud'u ila Sabīl Rabbik*, (1978), Qaherah: Matba’ah Hasan, hal. 8

⁷ M. ganard Da'wa, *Ensiklopedia Of Islam*, (1965), Volume 2, New Edition Leiden, hal 168.

⁸ Muḥammad al-Ghazālī, *Ma'a Allāh, Dirāsah fī al-Da'wah wa al-Du'āh*, (1981), Maktabah al-Islāmiyyāh, hal 17

- iv) Manakala takrif dakwah berdasarkan Kamus Dewan pula dinyatakan seperti berikut:⁹

“Dakwah merupakan kegiatan menyeru dan membimbing (mendidik dan sebagainya) serta meyakinkan secara baik dalam usaha mempengaruhi orang lain supaya menyedari (menghayati) dan mengamalkan ajaran agama yang sebenarnya”.

Berdasarkan kepada kepelbagaiannya definisi dakwah tersebut, maka dapatlah penulis membuat kesimpulan bahawa yang dimaksudkan dengan dakwah itu ialah suatu usaha serius yang dijalankan secara rapi dan terancang dalam rangka mengajak manusia kembali kepada agama Allah dan hidayahNya demi kebahagiaan dunia dan akhirat, serta melaksanakan ketetapan-ketetapan Allah di atas muka bumi ini, demi membentuk pengabdian diri dan ketaatan hanya kepada Allah semata-mata, di samping melepaskan diri dari segala kongkongan taghut dan perkara-perkara yang menyesatkan.

2.3 HUKUM BERDAKWAH

Seterusnya penulis akan membincangkan hukum berdakwah menurut perspektif Islam. Secara umumnya, Allah s.w.t telah memerintahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w dan umatnya agar berdakwah demi menyampaikan risalah Islam.¹⁰ Sehubungan dengan itu Allah s.w.t. telah berfirman:

⁹ Teuku Iskandar, Kamus Dewan, (1998), Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 263

¹⁰ 'Abd al-Rahmān Ḥasan Hanbakah, *Fiqh al-Dak'wah ilā Allāh wa Fiqh al-Nuṣḥ wa al-Iṛsyād*, (1996), juzu' 1, Dār al-Qalam, cetakan pertama, hal 28.

كُنْتُمْ خَيْرَ أَمَّةٍ اخْرَجْتُ لِلنَّاسِ تَامِرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَزَمَّنُونَ بِاللَّهِ^{۱۱}

Maksudnya :

"Kalian adalah sebaik-baik umat yang diutuskan di kalangan manusia, kalian menyuruh kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan beriman dengan Allah."

Seterusnya firman Allah s.w.t. lagi:

ادع الى سبيل ربک بالحكمة والموعظة الحسنة و جادلهم بالتي هي احسن^{۱۲}

Maksudnya:

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmath kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik."

Walaubagaimanapun, para ulama telah berbeza pendapat dalam menentukan kewajiban berdakwah, sehingga ada di kalangan mereka yang menyatakan bahawa berdakwah merupakan satu tuntutan fardu ain, manakala ada sebahagian daripada mereka yang menyatakan fardu kifayah.¹³ Untuk itu penulis mengemukakan pendapat-pendapat tersebut untuk dianalisa.

^{۱۱} Ali-'imrān: 110

^{۱۲} Al-Nahl: 125

^{۱۳} Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah*, (tt), Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan pertama, 1984, hal 44

Berikut ialah pendapat dari ulama-ulama yang menyatakan bahawa berdakwah itu adalah tuntutan fardu ain. Antaranya ialah pendapat seorang tokoh pendakwah Islam yang terkemuka iaitu Dr. Abū al-Majd al-Sayyid Nāwfal dalam mentafsirkan firman Allah:

يَا يَهُوَ الرَّسُولُ بَلَغَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ رَبِّكَ وَمَا لَمْ تَفْعُلْ فَمَا بَلَغَتْ رِسَالَتُهُ وَاللَّهُ يَعْصُمُ
مِنَ النَّاسِ أَنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ¹⁴

Maksudnya :

"Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya) maka, tiadalah engkau menyampaikan perutusan-Nya, dan Allah jualah akan memeliharamu dari kejahatan manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk hidayah kepada kaum yang kafir."

Menghuraikan ayat ini, Dr. Abū al-Majd al-Sayyid Nawfal menjelaskan, oleh kerana Nabi s.a.w diamanahkan dengan tugas menyampaikan agama Allah, maka umatnya juga diamanahkan dengan tugas itu. Nabi s.a.w adalah contoh yang mesti diikuti oleh umatnya.¹⁵

Begitu juga dengan pandangan Dr. ‘Abd Karīm Zāydan yang turut mengemukakan pandangan bahawa berdakwah itu merupakan tuntutan fardu ain dengan berdalilkan kepada nas al-Qur'an yang berbunyi:

¹³ Wan Hussein Azmi, *Ilmu Dakwah*, (tt), Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan pertama, 1984, hal 44

¹⁴ Al-Maidah: 67

¹⁵ Dr. Abū al-Majd al-Sayyid Nawfal, *al-Dak'wah ilā Allāh, Khaṣā'iṣh, Muqāwwamātuh, Mañāhijuh*, (1977), hal 30.

ادع الى سبيل ربک بالحكمة والموعظة الحسنة وجادلهم بالتي هي احسن ان ربک هو اعلم بمن

ضل عن سبیله و هو اعلم بالمهتدین¹⁶

Maksudnya :

"Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk".

Dalam menghuraikan ayat yang di atas, Dr. 'Abd Karīm Zāydan telah menegaskan bahawa bahawa Nabi s.a.w telah diperintahkan oleh Allah secara khusus agar berdakwah. Maka, orang Islam juga diperintahkan untuk meneruskan pelaksanaan tanggungjawab tersebut bagi menegakkan agama Allah di atas muka bumi ini.¹⁷

Bahkan tanggungjawab berdakwah mestilah dipikul bersama oleh umat Islam, kerana ia tidak termasuk di dalam perkara yang terkhusus bagi Nabi s.a.w sahaja sebaliknya perintah kepada umat Islam seluruhnya, iaitu mereka hendaklah menjadi umat dakwah berdasarkan kepada kuasanya demi menyempurnakan tugasamal ma'ruf dan nahi mungkar.¹⁸

¹⁶ Al-Nahl:125

¹⁷ Dr. 'Abd. Karīm Zaydān, *Uṣūl al-Da'kwah*, (1976), *al-Manār*, hal 304.

¹⁸ *Uṣūl al-Da'kwah*, *Ibid*, hal. 298.

Demikian juga pendapat ulama-ulama hadis yang terkenal seperti Imām Bukhārī dan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī turut mengemukakan pendapat yang sama dalam perkara ini. Sebagai contoh, hadis yang diriwayatkan oleh *Bukhārī* (194 H–256 H) yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang yang hadir itu hendaklah menyampaikan kepada orang-orang yang tidak hadir. Boleh jadi, orang yang hadir itu menyampaikan perkhabaran dari Nabi s.a.w kepada orang yang lebih sedar daripada dirinya.¹⁹

Hadis di atas dengan jelas memerintah sesiapa sahaja yang mengetahui tentang agama ini supaya memberitahu kepada orang lain. Bagaimanapun, "tidak mengetahui", adalah tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak berdakwah, kerana Islam mewajibkan setiap orang agar belajar.²⁰

Manakala Ibn Ḥajar al-Asqalānī yang turut mengemukakan pendapat yang sama berdasarkan hadis yang juga diriwayatkan oleh al-Bukhārī (194H-256H):

بلغوا عنى ولو اية وحدثوا عن بنى اسرائل ولا حرج ومن كذب على متعمدا فليتبواع مقده

من النار²¹

"Sampaikanlah dari aku kepada sesiapa, walaupun satu ayat, dan beritahulah sesiapa mengenai keburukan Bani Israel tanpa rasa berat. Barangsiapa membohongi ke atas aku dengan sengaja, maka bersediahlah untuk masuk neraka.

19 Al-'Asqalānī, al-Hāfiẓ Ahmad bin 'Ali bin Ḥajar, (773-852 H), *Fatḥ al-Bārī*, *Syarh Ṣhahīh al-Bukhārī*, (1989) Jld 1, hal 158.

20 *Fatḥ al-Bārī*, *Syarh Ṣhahīh al-Bukhārī*, *Ibid.*

21 *Fatḥ al-Bārī*, *Syarh Ṣhahīh al-Bukhārī* *Ibid.*, jld 6, no hadis 3461, hal. 614.

Hadis tersebut juga menjelaskan bahawa setiap pengetahuan agama yang dipelajari oleh seseorang itu mestilah disampaikan walaupun kadarnya sedikit sahaja.²² Dari segi *Qiyās* pula , terdapat satu kaedah di dalam Islam yang berbunyi:

ما لم يتم الواجب لا به فهو الواجب²³

“Jika sesuatu perkara yang wajib itu tidak dapat dilakukan kerana ia bergantung kepada benda lain, maka perkara yang lain itu juga menjadi wajib untuk disempurnakan, sekiranya pekerja itu di dalam lingkungan kekuasaan tabiat manusia.”

Kaedah tersebut dipadankan dengan dakwah, iaitu segala dasar, peraturan dan kewajipan yang terdapat di dalam Islam wajib dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh setiap orang Islam. Namun, untuk melaksanakan perkara-perkara tersebut mestilah didahulukan dengan berdakwah. Oleh yang demikian menjadi kewajipan kepada setiap orang Islam melakukan dakwah.

2.3.2 Berdakwah Sebagai Fardu Kifayah

Di sana terdapat di kalangan ulama yang menyatakan bahawa berdakwah itu adalah tuntutan fardu kifayah. Asas kepada pendapat ini ialah dengan mengatakan bahawa tuntutan dakwah adalah satu perintah yang ditaklifkan hanya kepada sebahagian umat Islam terutamanya iaitu golongan ulama. Antara ulama yang

²² *Fatḥ al-Bārī*, *Syarḥ Ṣhahīḥ al-Bukhārī*, *Ibid*

²³ Al-Bāidawī, *Sharḥ al-Badakhshī wa Maa 'hū Sharḥ al-Asnāwī kilāhumā Sharḥ Manhāj al-Wuqūl fī 'Ilm al-Uṣūl*, (tt), Dār al-Fikr, jld pertama, hal 95.

mengemukakan pandangan tersebut ialah al-Imam al-Shawkānī (1173 H/1759) ketika menafsirkan nas al-Qur'an yang berbunyi :

ولتكن منكم أمة يدعون إلى الخير ويأمرون بالمعروف وينهون عن المنكر وأولئك هم ²⁴

المفلحون

Maksudnya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala yang baik, serta milarang daripada segala perkara yang salah, dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya".

Pada ayat ini beliau telah menyatakan bahawa kalimah di antara kamu (منكم) pada ayat di atas menunjukkan bahawa perintah berdakwah hanyalah ditujukan kepada sebahagian daripada orang Islam sahaja terutamanya kepada mereka yang mengetahui tentang apa yang ditegah dan apa yang disuruh.²⁵

Demikian juga dengan al-Imam al-Qurṭubī (671H) yang turut mengemukakan hukum yang sama iaitu fardu kifayah dalam berdakwah dengan bersandarkan firman Allah s.w.t:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لَيَنْفِرُوا كَافِةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لَّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَ

لَيَنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعْنَهُمْ يَحْذِرُونَ²⁶

²⁴ Al-'Imrān:104

²⁵ Al-Shāwkānī, Muḥammad ibn 'Alī ibn Muḥammad, *Fatḥ al-Qadīr*, (tt), Dār al-Fikr Beirut, 1964, jld. 1, hal 369.

²⁶ Al-Taubah:122

Maksudnya :

"Dan tidaklah (betul dan elok)orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang), oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama , dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka ; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga."

Dalam menafsirkan ayat tersebut, al-Qurṭubī (671 H) menjelaskan bahawa jihad itu merupakan tuntutan fardu kifayah, bukan fardu ain, kerana ada golongan yang dimestikan keluar berjihad dan ada golongan yang dimestikan belajar mendalami ilmu agama.²⁷

Dariuraian di atas, satu kesimpulan yang paling nyata bahawa usaha dan aktiviti dakwah adalah satu perkara yang sangat diberi perhatian oleh Islam dan ia merupakan satu ibadat yang amat tinggi nilainya. Sabda Rasulullah s.a.w kepada Sayyidina ‘Alī r.a dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī r.a daripada Qutaybah bin Sa‘d, pada menyatakan kelebihan berdakwah kepada orang ramai, yang mafhumnya “bahawa sebaik-baik manusia ialah mereka yang paling baik bacaannya, paling bertaqwah, menyuruh manusia ke arah yang baik dan melarang manusia dari melakukan perkara-perkara mungkar, serta mereka dalam masa yang sama adalah menghubungkan *silah al-Rahīm*”²⁸

²⁷ Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, (1985), Dār Ehya' al-Turāth al-'Arabi, jld 8, hal 293.

²⁸ *Musnād Imām Aḥmad*, Kitāb al-Thawāb, Jld. 6, Matba'ah Dar al-Jil, (tt), hal. 178

Sebagai kesimpulan daripada perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa berdakwah samada ianya merupakan satu tuntutan fardu ain ataupun fardu kifayah, namun ianya tetap merupakan suatu tugas yang paling mulia di sisi Allah s.w.t serta menjadi sunnah kepada sekalian nabi dan rasul sehingga ada di kalangan mereka terpaksa membayar dengan nyawa demi untuk mengembangkan dakwah Islamiyyah ke persadanya. Inilah realiti yang dihadapi oleh sesetengah para nabi dan rasul seperti nabi Yahya dan nabi Zakarriā. Bahkan agama Islam tidak akan berkembang secara dinamik dan tersusun sekiranya usaha-usaha dakwah tidak dijalankan secara berterusan dan serius. Oleh kerana itulah zaman kegemilangan Islam yang mampu bertahan sehingga hampir tujuh ratus tahun dengan penguasaannya terhadap dua pertiga dunia adalah hasil dari usaha-usaha dakwah yang dijalankan secara bersungguh-sungguh dan berterusan.

Melihat kepada realiti inilah penulis lebih cenderung kepada pendapat pertama yang menyatakan bahawa hukum berdakwah itu merupakan satu tanggungjawab fardu ain terutamanya mereka yang mempunyai latarbelakang ilmu agama Islam. Manakala kepada orang awam biasa pula bertanggungjawab mencari ilmu pengetahuan khususnya yang berkaitan dengan agama Islam secara khusus sehingga melayakkan mereka menjadi pendakwah pada jalan Allah s.w.t. Justeru itu rebutlah peluang berdakwah semoga ianya menjadi satu amalan yang paling direndai oleh Allah s.w.t

2.4 PENGURUSAN DAKWAH

Seterusnya penulis akan membincangkan tentang pengurusan dalam berdakwah. Berdakwah selain ianya merupakan suatu sunnah para rasul, ia juga bertujuan untuk melihat berlakunya perubahan keadaan, daripada yang buruk kepada yang baik, daripada yang baik kepada yang lebih baik dan sebagainya. Sesuatu perubahan tidak akan dapat dilakukan secara sambil lewa sahaja. Paparan daripada *sirah* Rasulullah s.a.w menunjukkan bahawa usaha dakwah yang dilakukan oleh baginda merupakan rangkaian langkah-langkah tersusun rapi yang penuh dengan perancangan yang mantap dan jitu.

2.4.1 Pengertian Pengurusan Dakwah

Seterusnya kajian penulis tertumpu kepada pengertian pengurusan dakwah. Menurut Rozhan Othman, beliau telah membuat definisi pengurusan dengan maksud:

"Proses merancang, menyusun, mengawal, dan memimpin sesebuah organisasi untuk tujuan mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan".²⁹

Manakala James A.F. Stoner telah memberikan takrif pengurusan iaitu:

"Satu mekanisme yang melibatkan proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal daya usaha anggota-anggota organisasi bagi mencapai matlamat-matlamat organisasi yang ditetapkan".³⁰

²⁹ Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah*, (1990), Cetakan pertama, Ummah Media, hal 19.

³⁰ James A.F. Stoner, Edisi 3, Terjemahan Yaakob Ibrahim, *Pengurusan Dakwah*, (1989) hal 4.

³¹ A.Rosyad Shaled,Drs. *Management Dakwah Islam*, (1977), Jakarta: Bulan Bintang, hal 44.

Drs A.Rosyad Shaled ketika memberikan takrif pengurusan dakwah secara lebih khusus dan mendalam telah menyatakan :

"Dakwah itu adalah satu kegiatan terpimpin dengan menggunakan segala sumber-sumber organisasi samaada sumber kemanusiaan atau kebendaan dalam mencapai matlamat organisasi dakwah atau jamaah".³¹

Berdasarkan kepada takrif-takrif yang telah dibentangkan di atas, maka dapatlah dirumuskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan pengurusan dakwah ialah suatu bentuk mekanisme dakwah yang disusun secara sistematik dan terancang samada untuk jangka pendek ataupun jangka masa panjang melalui aktiviti-aktiviti dan penyusunan segala sumber organisasi, tenaga manusia dan perancangan untuk memantau kehidupan manusia agar kembali kepada Islam.

2.4.2 Prinsip-Prinsip Umum Pengurusan Dakwah

Berdakwah perlu kepada berbagai-bagai bentuk strategi dan pendekatan. Kepelbagaiannya cara dalam merealisasikan pengurusan dakwah tidak bermakna menafikan prinsip-prinsip yang harus dijaga. Di sini dinyatakan prinsip-prinsip umum dalam melaksanakan pengurusan dakwah iaitu ;³²

³² Yusuf Ismail, *Pengurusan Secara Islam*, (1991) Kuala Lumpur, A.F Noordeen, hal 46-47.

- i) Matlamat mencari keredaan Allah dengan cara mentaati segala perintah Allah dan rasul-Nya. Firman Allah s.w.t:

بِإِيمَانِهِمْ أَطَّلَعُوا إِلَهًا وَأَطَّلَعُوا رَسُولًا وَأَوْلَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ³³

Maksudnya :

"Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah rasul-Nya dan pimpinan dari kalangan kamu (orang-orang yang beriman)."

Berdasarkan ayat di atas, al-Qāsimī (1283-1332 H) di dalam tafsirnya telah menegaskan bahawa dalam usaha menyelesaikan segala masalah yang berlaku, umat Islam mesti merujuk kepada Allah dan Rasul: iaitu al-Qur'an dan hadith, dan tidak sekali-kali meninggalkan kedua-dua sumber tersebut supaya tidak terjebak ke dalam maksiat dan kejahatan.³⁴

- ii) Prinsip melaksanakan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Firman Allah :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أَخْرَجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَؤْمِنُونَ بِاللهِ³⁵

Maksudnya:

"Kalian adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk kaum manusia, kalian menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan kalian beriman dengan Allah".

³³ Al-Nisā': 59

³⁴ Al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn, *Mahāsin al-Ta'kwīl*, (1978), Dār al-Fikr, jld 3, hal 252.

³⁵ Ali-'Imrān: 110

Al-Imām al-Biqā'ie (m. 885 H) di dalam tafsirnya menjelaskan bahawa berdakwah dalam usaha menyempurnakan tuntutan amal makruf dan nahi mungkar merupakan sebesar-besarnya pahala di sisi Allah s.w.t.³⁶

iii) Prinsip demi menjaga kesejahteraan masyarakat. Firman Allah :

وَابْتَغِ فِيمَا أَتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسِ نَصِيبِكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ كَمَا احْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ³⁷

Maksudnya :

Dan carilah apa yang dikurniakan oleh Allah daripada keuntungan akhirat dan jangan lupa bahagian kamu di dunia, dan berbuat baiklah kepada manusia sepetimana Allah telah berbuat baik kepada kamu, dan janganlah engkau berbuat bencana di atas muka bumi, sesungguhnya Allah amat tidak menyukai orang-orang yang membuat kerusakan”

Pada ayat ini Syed Qutb (1912-1966 M) telah menjelaskan bahawa bersyukur kepada Allah terhadap nikmat-nikmat yang telah dikurniakan merupakan asas utama dalam melahirkan ketataan dan ibadah kepada Allah. Rentetan daripada itulah lahirnya satu umat yang berkualiti dan sejahtera ekoran kehidupan mereka yang sentiasa bersyukur terhadap nikmat Allah.³⁸

³⁶ Al-Biqā'ie, Ibrāhim bin ‘Omar, (885 H) *Nazamur al-Darar*, (1995), Dār. Kutub ‘Ilmiah, jld. 2, hal 135

³⁷ Al-Qaṣāṣ: 77

³⁸ Syed Qutb, *Fī ḥilāl al-Qur’ān*, Dār al-Syurūk (tt), jld 5, hal. 2711.

- iv) Prinsip ke arah membangunkan individu semaksima mungkin. Firman Allah:

وَلَا تَهْنُوا وَلَا تَحْزِنُوا وَإِنْتُمُ الاعْلَوْنُ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ³⁹

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu menjadi lemah dan janganlah kamu berduka-cita, sedangkan kamu adalah sangat tinggi kedudukanmu sekiranya kamu beriman"

Berdasarkan ayat tersebut, Menurut Ibn ‘Asyūr, Allah melarang hambanya dari berputus asa dan kecewa ekoran kegagalan kegiatan dakwah yang dijalankan. Sebaliknya terus-menerus berusaha demi kelangsungan dakwah Islamiyyah.⁴⁰

- v) Prinsip melaksanakan sistem syura dalam memutuskan sesuatu perkara.

Firman Allah S.W.T:

وَشَارُورُهُمْ فِي الْأَمْرِ⁴¹

Maksudnya:

"Dan bermesyuaratlah dalam sesuatu urusan"

Melalui ayat ini jelas menunjukkan bahawa cara yang terbaik untuk menghasilkan keputusan yang mantap, jitu dan benar ialah dengan mengadakan

³⁹ Ali-'Imrān: 139

⁴⁰ Ibn 'Āsyūr, *al-Tahrīr Wa al-Tanwīr*, op-cit, jld. 3-4-5, hal 98

⁴⁰ Ibn.Asyur, *al-Tahrir Wa al-Tanwir*, ibid, jld.3, hal.98

⁴¹ Ali-'Imrān: 159

mesyuarat. Ini amat penting terutamanya dalam menjaga maslahah dan kepentingan ummah.⁴²

- vi) Prinsip keprihatinan untuk mewujudkan jemaah Islam dan memelihara kerukunannya. Firman Allah s.w.t:

انَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يَقْاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفَا كَانُوهُمْ بَنِيَانٍ مَرْصُوصٍ⁴³

Maksudnya :

“Sesungguhnya Allah sangat mengasihi golongan yang berjihad secara berjamaah seperti bangunan tembok yang sangat rapat”

Berdasarkan ayat di atas, al-Syanqīṭī (1393 M) di dalam tafsirnya telah menegaskan bahawa berjihad dan bekerja dalam medan amal Islami semestinya dalam bentuk organisasi dan jemaah. Maka dengan itu wujudlah satu kekuatan dan keteguhan yang mantap sehingga menghasilkan kejayaan lebih baik dan cemerlang.⁴⁴

- vii) Prinsip menjulang dasar keadilan yang sebenar. Firman Allah s.w.t:

اعدُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ⁴⁵

Maksudnya:

“Dan hendaklah berlaku adil, yang demikian itu adalah lebih hampir kepada taqwā”

⁴² Ibn 'Asyūr, *Al-Tahrīr Wa al-Tanwīr*, op-cit,

⁴³ Al-Saf: 4

⁴⁴ Syanqīṭī, Muḥammad al-Amin bin Muḥammad, *Aḍwā' al-Bayān*, (1995) Dār al-Fikr, Jld 8, hal 107.

⁴⁵ Al-Mā'idah: 8

Pada ayat di atas, Syed Qutb menghuraikan bahawa Allah telah menyuruh manusia agar berlaku adil dalam semua perkara dan tidak sekali-kali melakukan sesuatu yang melampaui batas terutama dengan membuat maksiat terhadap Allah dan RasulNya.⁴⁶

viii) Prinsip mencapai keputusan sesuai dengan prinsip-prinsip Islam. Firman Allah:

اَنَا اَنْزَلْتُ التُّورَةَ فِيهَا هُدًى وَ نُورٌ يَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ الَّذِينَ اسْلَمُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَ الرَّبَّاتِيُّونَ
وَالاَحْبَارُ بِمَا اسْتَحْفَظُوا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءُ فَلَا تَخْشُوا النَّاسَ وَاحْشُونَ وَلَا
تَشْتَرُوا بِاِيمَانِكُمْ ثُمَّا قَلِيلًا وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا انْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكُمْ هُمُ الْكَافِرُونَ⁴⁷

Maksudnya :

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan Taurat, di dalamnya ada petunjuk dan cahaya penyuluhan, lalu berhukum dengannya akan nabi-nabi yang tunduk kepada Allah, terhadap orang-orang Yahudi dan begit juga para ulama' dan ketua agama, sebab mereka menghafal kitab Allah dan mereka menjadi saksi atas demikian itu. Sebab itu janganlah kamu takut kepada manusia dan takutlah kepada Ku dan janganlah kamu menjual agama kerana keuntungan yang sedikit, barangsiapa yang berhukum tanpa menurut hukuman Allah, maka mereka tergolong dalam golongan kafir".

Dalam menjelaskan ayat di atas, Syed Qutb telah menyatakan bahawa ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Islam merupakan asas kepada segala-galanya. Ini sejajar dengan sifat Uluhiyyah Allah s.w.t. Sebaliknya tanpa merujuk kepada Islam

⁴⁶ *Fi Zilāl al-Qur'an, op-Cit.*, jld 2, hal 852.

⁴⁷ Al-Mā'idah: 44

dan mengikuti nafsu akan menjadikan seseorang itu dalam keadaan sesat dan menyesatkan.⁴⁸

Berdasarkan kepada lapan prinsip asas di atas yang berpandukan kepada al-Qur'an, maka dapatlah dirumuskan bahawa pengurusan dakwah merupakan suatu kerjaya yang paling mulia kerana ianya merupakan suatu tuntutan dari al-Qur'an serta sunnah kepada kerjaya para rasul dan anbia'. Ia juga jelas membuktikan bahawa pengurusan dakwah akan menjadi lebih sistematik, tersusun dan berjaya apabila dirujuk kepada prinsip-prinsip asas seperti yang dianjurkan oleh Allah di dalam al-Qur'an. Sebaliknya proses perkembangan dakwah akan menjadi tempang dan terencat kesempurnaan apabila ia digerakkan dalam keadaan tidak tersusun dan dinamik. Oleh kerana itulah menjadi asas yang paling penting kepada mana-mana pihak maupun institusi-institusi dakwah khususnya agar sentiasa melihat perinsip-perinsip dakwah Rasulullah secara objektif demi memastikan kesinambungan yang gemilang khususnya pada lapangan dakwah Islamiyyah.

Pada masa yang sama semua pihak seperti pihak kerajaan, badan-badan berkanun, para ulama dan masyarakat perlu bekerjasama dan bantu-membantu dalam usaha menangani masalah ummah yang dianggap semakin mencabar dari masa ke semasa. Tanpa kerjasama dan penglibatan semua pihak dalam melaksanakan tuntutan dakwah maka permasalahan ummah bukan saja tidak dapat diselesaikan, bahkan akan merebak dengan lebih parah lagi termasuklah masalah murtad.

48 Syed Qutub, *Fi Zilāl al-Qur'an*, op-cit. jld 2, hal 896.

2.5 MURTAD MENURUT PANDANGAN ISLAM

2.5.1 Pendahuluan

Murtad adalah sebagai satu jenayah yang terbesar di dalam Islam dan telah berlaku semenjak zaman Nabi Muhammad s.a.w lagi. Justeru itu, Islam begitu mengambil berat terhadap fenomena murtad. Islam melihat bahawa seseorang yang murtad itu sebenarnya telah memilih jalan yang sesat dengan meninggalkan kebenaran, meninggalkan kehidupan yang penuh rahmat dan memilih hidup yang dilaknat. Maka, wajarlah Islam menetapkan hukuman murtad ini di dalam hukuman hudud kerana ia memberi kemudaratannya kepada manusia dan umat Islam.

2.5.2 Pengertian Murtad

Bagi melihat pengertian murtad berdasarkan pandangan syara', maka dibentangkan takrif murtad berdasarkan pandangan ulama-ulama Islam yang muktabar. Antaranya ialah Imam Ibn Tāymīyah (661H-728 H) yang telah memberikan pengertian murtad dengan maksud:

"Murtad ialah bentuk kekuatan yang berlaku selepas Islam bagi sesiapa yang menyekutukan Allah atau menafikan rububiyyahNya atau salah satu daripada sifat-sifatNya , kitab-kitabNya atau rasul-rasulNya.⁴⁹

⁴⁹ Nu'mān 'Abd. Razāk al-Samīra'īe, *Ahkām al-Murtad fī al-Syari'at at- Islamiyyah*, (t.t) Beirut, hal. 45.

Al-Qalyūbī (M-864H) dan al-Syāfi‘e al-Saghīr (M-1004H) telah memberikan takrif murtad yang bermaksud:

*“Memutuskan ataupun memisahkan dari diri seseorang melalui niat atau perkataan atau perbuatan yang membawa kepada kekufturan”.*⁵⁰

Sementara Sa’id Hawwā telah mentakrifkan murtad dengan satu gambaran yang lebih bersifat semasa dengan menegaskan bahawa:

*“Murtad seseorang itu boleh berlaku dengan seseorang itu tunduk dan patuh kepada orang-orang kafir, redha dengan dasar-dasar yang ditentukan oleh mereka walaupun sebahagian kecil daripadanya. Ini kerana ianya melibatkan soal keimanan dan keyakinan seseorang terhadap ajaran Islam yang datang dari Allah.”*⁵¹

Daripada kajian yang penulis lakukan, didapati sehingga kini belum terdapat huraian mahupun definisi murtad menurut enakmen atau perlombagaan. Walaubagaimanapun untuk melengkapkan kajian ini, penulis bentangkan pandangan dari seorang tokoh pengamal undang-undang terkenal Malaysia iaitu Prof. Tan Sri Ahmad Mohd Ibrahim serta definisi murtad berdasarkan Draf Qanun Jenayah Syariah 11 Negeri Kelantan. Prof. Tan Sri Ahmad Mohd Ibrahim telah memberikan definisi murtad dengan maksud:

*“Berpaling seseorang muslim itu daripada Islam kepada kufur. Orang yang melakukannya pula disebut sebagai orang murtad”*⁵².

⁵⁰ Qalyūbī Wa ‘Umārah, *Hāsyiah ‘alā Minhāj al-Tālibīn*, (1995), Dār al-Fikr, Mesir, Jld. 4 hal 174. Syamsuddīn Muhammad bin Abi ‘Abbās, *Nihāyah al-Mihtāj Ilā Syarah al-Minhā*, (1948), Dār al-Fikr, jld 4, hal 133

⁵¹ Said Hawwā, *Jund Allāh Thaqāfatan wa akhlāqan*, (tt), Jordan, hal 14

⁵² Ahmad Muhamad Ibrāhīm, Prof. Tan Sri, *Dakwah , (Murtad : Hukuman Dan Kesannya Dari Segi Undang- Undang)*, (April 1995), Percetakan Yayasan Islam Tetengganu, Sdn. Bhd. Gong Badak, Terengganu, hal 5.

Manakala takrif murtad yang terdapat pada Draf Qanun Jenayah Syariah 11

Negeri Kelantan pula menyatakan:

"Irtidad ialah apa-apa perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan oleh seorang Islam yang mukallaf yang mana perbuatan atau perkataan itu mengikut hukum Syarak adalah menjelaskan atau berlawanan dengan 'aqidah agama Islam: Dengan syarat bahawa perbuatan itu dilakukan atau perbuatan itu disebutkan dengan niat, dengan sukarela dan dengan pengetahuan, dan tanpa apa-apa paksaan oleh sesiapa atau oleh keadaan⁵³

Berdasarkan takrif-takrif di atas, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa yang dimaksudkan dengan murtad itu ialah tindakan seseorang Islam yang mukallaf, dengan niatnya sendiri tanpa dipaksa oleh sesiapa pun tiba-tiba keluar dan menganut agama yang lain daripada Islam ataupun melakukan sesuatu samada melalui iktiqad, perkataan ataupun perbuatan yang bercanggah dengan dasar-dasar Islam pada perkara-perkara yang diketahui oleh orang Islam secara umum dan mudah. Proses perpindahan agama itu dinamakan riddah dan apabila individu itu mula menganut agama baru atau sesuatu bentuk kepercayaan yang bertentangan dengan Islam maka dia disebut sebagai orang murtad.

2.5.3 Murtad Pada Zaman Rasulullah

Memandangkan jenayah murtad ini telah berlaku semenjak zaman Rasulullah s.a.w, maka penulis cuba menyingkap sorotan sejarah murtad yang berlaku di awal Islam terutamanya pada masa Rasulullah s.a.w dan diikuti dengan beberapa kejadian murtad pada masa pemerintahan Khalifah Abū Bakr.

⁵³ *Qanun Jenayah Syariah II Negeri Kelantan*, hal 46.

Antara kejadian murtad paling masyhur yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w semasa berada di Mekah ialah setelah berlakunya peristiwa Israk dan Mi raj. Ekoran peristiwa yang bersifat mukjizat serta bertentangan dengan kewarasan pemikiran manusia dan rasional akal menyebabkan terdapat di kalangan orang Islam yang masih rapuh keimanannya terutama dalam soal beriman kepada perkara-perkara ghaib yang dihubungkan dengan kebesaran Allah s.a.w. menyebabkan mereka murtad dari Islam sebaik saja mendengar penjelasan peristiwa Israk dan Mikraj daripada Rasulullah s.a.w. Ini kerana mereka tidak percaya kepada kebesaran Allah yang telah menjalankan Rasulullah s.a.w dari Masjid al-Haram di Kota Mekah ke Masjid al-Aqsa di Palestin dalam tempoh kurang sehari semalam, apatah lagi apabila diberitakan bahawa Rasulullah naik ke langit melawat alam syurga, neraka dan mengharungi berbagai-bagai peristiwa ajaib lain lagi. Kejadian ini berlaku lapan belas bulan sebelum berlakunya peristiwa hijrah baginda s.a.w ke Kota *Yathrib* (Madinah)⁵⁴. Allah s.w.t telah berfirman berkenaan peristiwa ajaib ini:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بَعْدَهُ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكَنَا حَوْلَهُ
لَنْرِيَهُ مِنْ عَابِتَنَا أَنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ⁵⁵

Maksudnya :

"Maha suci Allah, yang telah memperjalankan hambaNya (Muhammad) pada suatu malam dari al-Masjid al-Haram di Mekah ke al-Masjid al-Aqsa yang telah Kami berkat sekelilingnya, agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran)Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat"

⁵⁴ Sa' id Ramaḍān al-Būṭī (Dr), *Fiqh Sirāh*, (tt), Dār al-Fikr, Syriā, hal. 146.

⁵⁵ Al-Isrā': 1

Menurut Sa'id Ramaḍān al-Būṭī peristiwa Israk dan Miraj ini manjadi satu neraca dalam menyukat nilai keimanan dan keyakinan orang-orang Islam. Kepada orang-orang Islam yang lemah imannya, mereka tidak dapat menerima kebenaran peristiwa ini, maka ada di kalangan umat Islam terus murtad dari Islam lantaran keganjilan kisahnya.⁵⁶

Peristiwa murtad juga berlaku semasa Nabi Muhammad s.a.w berada di Madinah iaitu selepas peristiwa hijrah. Antara yang paling masyhur ialah peristiwa murtad yang berlaku pada al-Hārith bin Sa'īd bin al-Ṣāmit al-Ansārī. Pada peperangan Uhud, al-Hārith berjuang bersama tentera Islam menentang musuh Allah. Dalam pertempuran tersebut, beliau telah membunuh salah seorang tentera Islam yang bernama al-Mujazzir bin Ziād al-Balawī. Tindakan itu adalah berpuncak dari dendam kesumat al-Hārith terhadap al-Mujazzir yang telah membunuh ayahnya semasa jahiliyyah. Setelah membunuh al-Mujazzir, al-Hārith terus lari ke Mekah dan murtad di sana.⁵⁷ Maka dengan itu Allah berfirman:

كَيْفَ يَهْدِي اللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ وَشَهَدُوا أَنَّ الرَّسُولَ حَقٌّ وَجَاءُهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي

الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ⁵⁸

Maksudnya :

“Bagaimana Allah akan menunjuki suatu kaum yang kafir setelah mereka beriman, serta mereka telah mengakui bahawa rasul itu (Muhammad) benar-benar pesuruh Allah, dan keterangan-keteranganpun telah datang kepada mereka dan Allah tidak akan menunjuki golongan yang zalim”

⁵⁶ Sa'id Ramaḍān, *'Fiqh Sirrah, op-cit*, hal 147

⁵⁷ Ibn Hisyām, *al-Sirrah al-Nabawiyyah*, (1990), Beirut, jld 2, hal 8958 Al-Imran: 88

⁵⁸ Al-Imran:86

Seterusnya peristiwa murtad juga telah menimpa kepada salah seorang sahabat Nabi yang bernama Thā'labah bin Hāfiẓ al-Anṣārī. Dia seorang yang terkenal pada peringkat awal sebagai seorang abid yang sentiasa berulang-alik ke masjid semata-mata untuk beribadah kepada Allah. Suatu hari beliau telah meminta supaya Rasulullah s.a.w berdoa kepada Allah untuknya supaya menjadi seorang yang kaya-raya. Setelah memperolehi kekayaan yang melimpah-ruah, Thā'labah enggan membayar zakat walaupun setelah diarahkan oleh Rasulullah s.a.w. Akhirnya jadilah Thā'labah seorang yang murtad.⁵⁹ Allah s.w.t berfirman:

وَمِنْهُمْ مَنْ عَاهَدَ اللَّهَ لِنَنْ عَاتِيَنَا مِنْ فَضْلِهِ لِنَصْدِقَنَّ وَلَنْ كُونَنَّ مِنَ الصَّالِحِينَ. فَلَمَّا عَاهَمُنَا مِنْ فَضْلِهِ

بَخْلُوا بِهِ وَهُمْ مُعْرَضُونَ⁶⁰

Yang bermaksud:

"Dan di antara mereka ada orang yang telah berikrar kepada Allah: "Sesungguhnya jika Allah memberikan sebahagian kurniaNya kepada kami, pastilah kami akan bersedekah dan pastilah kami termasuk orang-orang yang soleh". Maka setelah Allah memberikan kepada mereka sebahagian dari kurniaNya, mereka kikir dengan kurnia itu dan berpaling, dan mereka memanglah orang-orang yang selalu membelakangi (kebenaran)".

Berdasarkan ayat di atas, Ibn Kathīr (701-774 H) telah menjelaskan bahawa Allah telah memurkai Thā'labah dan sesiapa saja yang mempunyai sifat tidak mensyukuri nikmat Allah sehingga membawa kepada kekufuran dan seterusnya murtad dari Islam.⁶¹

59 *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, op-cit., jld.2, hal 374.

60 Al-Taūbah: 75-76

61 *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, Ibid, hal. 8

Melalui ketiga-tiga peristiwa murtad yang telah dipaparkan di atas, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa berlakunya fenomena murtad di kalangan umat Islam kerana dipengaruhi oleh faktor-faktor yang tertentu. Antara yang paling utama ialah kerana kejahanan tentang agama Islam. Kejahanan terhadap ajaran Islam merupakan sebab utama yang membawa kepada berlakunya gejala murtad pada awal Islam. Ini kerana asas utama untuk memahami ajaran Islam itu sendiri adalah bertitik-tolak dari ilmu pengetahuan Tanpanya akan berlakulah berbagai kepincangan yang kemuncaknya adalah murtad. Ini jelas terbukti dengan peristiwa Israk dan mi^raj yang telah dihuraikan di atas menyaksikan ekoran kejahanan umat Islam terhadap asas-asas agama Islam dan intipatinya telah menjadi pendorong utama kepada berlakunya gejala murtad.⁶²

Selain daripada itu pengaruh kebendaan yang menghantui pemikiran dan cara kehidupan seseorang juga antara punca yang menyebabkan murtad berlaku pada awal Islam. Semata-mata cintakan kebendaan, seseorang itu rela menjual agama Islam dengan harga yang murah. Inilah yang dapat dikesan dalam peristiwa murtad yang melanda Thālabah bin Hāfiẓ al-Anṣārī.

⁶² *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, *Ibid*

2.5.4 Murtad Pada Zaman Abu Bakar

Fenomena murtad tidak hanya berlaku pada masa Rasulullah sahaja, bahkan terus berlaku pada zaman pemerintahan Abū Bakr *al-Šiddīq*. Contoh yang paling ketara ialah ketika Abū Bakr terpaksa berhadapan dengan golongan yang enggan membayar zakat kepada kerajaan Islam.

Peristiwa ini berlaku terhadap kaum Asad dan Ghaṭfān dengan diketuai oleh Tulāyhah bin Khuwaylid al-Asādī. Mereka telah menghantar rombongan bertemu dengan Abu Bakar bagi menyatakan keengganan mereka untuk membayar zakat kepada kerajaan Islam dengan alasan Nabi Muhammad s.a.w yang sepatutnya memungut zakat dari mereka telah meninggal dunia.⁶³ Justeru itu, kewajipan menunaikan zakat telah dianggap tidak diwajibkan lagi kerana konon-kononnya berdalilkan kepada firman Allah:

خذ من اموالهم صدقة تطهيركم و تزكيتهم بها وصل عليهم

ان صلواتك سكن لهم والله سميع عليم⁶⁴

Maksudnya:

"Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka, dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui"

63 Ṣalāḥ ‘Abd. al-Fattāḥ al-Khālidī, *al-Khulafā’ al-Rāshiydīn Baina al-Istikhlāf wa al-Istiyyhād*, (t.t), Dār al-Qalam, hal 66

64 Al-Taubah: 103.

Lantaran itu Sayyidina Abū Bakr telah mengambil tindakan yang tegas untuk memerangi golongan ini setelah menegaskannya melalui kata-kata masyhur yang bermaksud:

*"Demi Allah, aku akan memerangi sesiapa yang memisahkan di antara kewajipan sembahyang dan kewajipan mengeluarkan zakat"*⁶⁵

Seterusnya peristiwa murtad juga telah berlaku pada zaman Abū Bakr kerana *ta'asub* kepuakan Fenomena ini amat ketara berlaku terutamanya pada zaman pemerintahan Abū Bakr yang menjadi khalifah Islam pertama menggantikan kepimpinan Rasulullah s.a.w. Di kalangan mereka yang murtad merasakan mereka lebih hebat dan berwibawa daripada Abū Bakr.

Umpamanya golongan murtad di Najd yang terdiri daripada Bani Asad, Bani Wāfi, Bani Ghafṭān, Bani Ḩamīr, Bani Salīm dan Bani Farāzah. Sementara yang menjadi ketua mereka ini ialah Ghafṭān bin Ḩayyainah bin Hāsen al-Farāzī. Dia telah menghasut orang ramai dari puak-puak berkenaan supaya tidak tunduk dan patuh kepada kepimpinan Abū Bakr yang berasal daripada suku Bani Muḍār keturunan Quraish Mekah. Dengan hasutan yang ditaburkan menyebabkan ada di kalangan masyarakat Islam ketika itu yang terpedaya lantas mengambil keputusan untuk memisahkan diri daripada memberi *walā'* (kesetiaan) kepada kepimpinan Abū Bakr dan seterusnya murtad dari Islam.⁶⁶

⁶⁵ Ṣalāḥ Ḩabd. al-Fattāḥ al-Khālidī, *al-Khulafā' al-Rāshiydīn Baina al-Istikhlāf wa al-Istiyyahād, op-cit.*

⁶⁶ *Ibid*, hal. 257

Isu asabiah perkauman inilah juga yang menjadi modal hasutan Musaylamah al-Kazzāb kepada penduduk-penduduk Bani Hanīfah dengan katanya:

“Aku ingin bertanya kepada kamu semua kenapakah kaum Quraysh adalah lebih berhak untuk memimpin dan menguasai kamu? Demi Allah! Bilangan kamu lebih ramai dari mereka, negara kamu lebih luas dari negara mereka, kedudukan kamu lebih baik dari kedudukan mereka, harta benda kamu lebih banyak dari harta benda mereka.”⁶⁷

Hasutan sebegini berupaya menggongcang keimanan individu yang tidak mantap pengetahuan dan keimanannya seterusnya menyebabkan mereka menanggalkan kesetiaan dan *walā'* kepada Abū Bakr. Semenjak daripada itu mereka menjadi murtad dari Islam.⁶⁸

Berdasarkan beberapa fenomena murtad pada masa pemerintahan Abū Bakr, dapatlah penulis merumuskan bahawa sebab utama berlakunya fenomena tersebut kerana kerapuhan ilmu Islam yang ada pada diri umat Islam. Maka alasan itu menjadikan mereka amat mudah terpengaruh dengan hasutan dari Musaylamah-Kazzāb sehingga murtad dan sanggup pula memerangi kerajaan Islam yang dipimpin oleh Khalifah Abū Bakr⁶⁹

Maka dengan itu menjadi tanggungjawab setiap individu muslim memainkan peranan masing-masing dengan cara yang paling berkesan dan serius untuk mengatasi masalah murtad ini dengan pelan tindakan pengurusan dakwah yang mantap dan berkesan. Sesungguhnya dengan kekuatan dakwah yang berkesan sahaja dapat membendung gejala murtad terus merebak dan menular di kalangan

67 *Ibn al-Sām al-Kūfi*, *al-Kūfi*, (1985), Beirūt, jld. 1, hal 23.

68 *Ibn al-Sām al-Kūfi*, *al-Kūfi*, *Ibid.*, hal 23.

69 *Ibn al-Sām al-Kūfi*, *al-Kūfi*, *Ibid.*

umat Islam. Manakala pengurusan dakwah yang tidak sistematik dan efisyen pula hanyalah menjadikan proses membendung gejala murtad akan kurang berkesan dan tidak jelas kejayaannya.

2.6 HUKUMAN TERHADAP PENJENAYAH MURTAD

Memandangkan jenayah murtad merupakan suatu fenomena yang amat merbahaya, sudah tentulah di sana adanya peruntukan dalam sistem perundangan Islam dalam rangka mengatasi masalah ini. Apatah lagi dalam masa yang sama masalah ini merupakan masalah umum yang melibatkan semua pihak; individu, keluarga, masyarakat dan pihak berkuasa, dengan itu sudah tentu desakan ke arah penyelesaiannya juga haruslah menyeluruh dan konsisten.

2.6.1 Skop Dan Bidangkuasa Jenayah Murtad

Mengikut pendapat jumhur ulama, kesalahan murtad dikatogerikan dalam kesalahan hudud yang terdapat dalam sistem perundangan Islam. Kesalahan hudud bererti kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman hudud.⁷⁰

Dalam bahasa Arab, hudud atau kata mufradnya *had* bererti pembatasan atau pencegahan.⁷¹ Berasaskan pengertian ini para fuqaha' seperti al-Imam Ḥanafī, Syāfi'e dan Imam Mālik di dalam mazhab masing-masing telah mendefinisikannya sebagai

⁷⁰ Abd. al-Qādir 'Awdah, *al-Tasyrī fī al-Jinā'i al-Islāmī*, (1994), Mu'assasah al-Risālah, Beirut, jld 2, hal. 345, Muḥammad Salīm al-`Ewā, *Fī Uṣūl al-Niṣām al-Jinā'i*, (tt), Kaherah: Dār al-Ma'arif, 1979, hal 159.

⁷¹ *Lisan al-'Arab*, op-cit, jld 3, hal 140

keseksaan yang (bentuk dan kadarnya) telah ditetapkan oleh Allah. Berdasarkan huraian di atas ternyata bahawa kesalahan hudud itu ialah kesalahan khusus yang menyentuh hak hak Allah, atau dalam istilah undang-undang yang digunakan sekarang hak-hak awam atau kesalahan awam.⁷²

Manakala pihak yang bertanggungjawab dalam memutuskan dan menjatuhkan hukuman murtad terhadap pesalah yang didapati telah murtad ialah Qadi atau hakim yang dilantik oleh pihak pemerintah.⁷³ Ini agak berbeza dengan zaman pemerintahan awal Islam iaitu pada zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w. di Madinah ataupun *al-Khulafa' al-Rasyidin* di mana hukuman murtad diputuskan oleh mereka secara langsung.

Namun realiti tersebut telah berubah sehingga sekarang iaitu hak menghukum seseorang dengan kesalahan murtad telah berpindah tangan kepada Qadi dan hakim yang menjadi wakil kepada pihak berkuasa. Ini berlaku semenjak pemerintahan Kerajaan Abbasiah apabila dilihat empayar Islam mulai berkembang luas menembusi beberapa wilayah utama seperti ke Afrika Tengah pada sebelah selatan, Pantai Barat Afrika pada bahagian barat dan sekitar Asia pada bahagian timur.⁷⁴

Melihat kepada realiti inilah menyebabkan soal hak dan bidangkuasa penentuan hukum telah dipindahkan daripada hakim iaitu ketua negara kepada qadi yang dianggap penolong kepada tugas-tugas hakim.

⁷² Al-Kāsānī, Al-Imām Ḥāfiẓ Abī Bakr bin Mas'ūd *Bada'ī al-ṣanā'ī*, (1974), Dār al-Kitāb al-‘Arabi, jid. 7, hal. 5663.

⁷³ *Bada'ī al-ṣanā'ī*, *Ibid*, jld. 9, hal 4097.

⁷⁴ Abū Fāris Muḥammad Ḥāfiẓ Kādir, (Pensyarah dalam bidang perundangan Islam di Universiti of Jordan), *al-Qaḍā' fī al-Islām*, (1995), Dār al-Furqān, Jordan, hal 7

2.6.2 Pengsabitan Hukuman Murtad

Dalam menghukum dan mengsabitkan bahawa seseorang itu telah murtad dari Islam, maka terdapat dua cara pembuktian dibuat iaitu: pertamanya melalui pengakuan tertuduh dan keduanya melalui keterangan saksi⁷⁵. Dalam perkara pertama iaitu melalui pengakuan tertuduh yang menjelaskan bahawa dia berhasrat untuk murtad dari Islam. Pengakuan tersebut berlaku dengan reda tertuduh tanpa paksaan dari mana-mana pihak. Manakala melalui cara kedua iaitu keterangan saksi. Para *fuqahā'* tidak sepakat dalam menentukan bilangan saksi yang diperlukan, Namun pendapat yang paling kuat ialah mesti menghadirkan dua orang saksi yang adil bagi memberikan keterangan dan pembuktian diatas kesalahan murtad yang dilakukan oleh tertuduh. Inilah pendapat Imam Mālik, Aāuzu'ie, Syāfie dan ulama-ulama mazhab Ḥanafī⁷⁶. Seseorang Islam yang melakukan jenayah murtad akan dijatuhkan dengan hukuman hudud. Walaubagaimanapun hukuman tersebut masih lagi tertakluk kepada tiga hukuman utama iaitu:

- a) Hukuman asal.
- b) Hukuman ganti
- c) Hukuman sampingan.⁷⁷

⁷⁵ Ibn Qudāmah, Abū ‘Abd Allāh, (M 630H) *Al-Mughnī*, Maktabah al-Qāhirah, (1969), jld 9, hal 18..

⁷⁶ ‘Abd. al-Qādir ‘Awdah, *al-Tasyrī fī al-Jinā'i al-Islāmi*, (1994), Mu’assasah al-Risālah, Beirüt, hal. 718 / *al-Tasyrī fī al-Jinā'i al-Islāmi*, *Ibid*.

Wujudnya kepelbagaiannya hukuman-hukuman di atas itu adalah tertakluk kepada keputusan hakim dengan melihat kepada sebab-sebab dan latarbelakang kes murtad tersebut.

2.6.3 Hukuman Asal

Hukuman asal bagi orang yang murtad ialah dibunuh. Ini adalah berhujah dan berdalilkan hadis nabi s.a.w.:

من بدأ دينه فاقتلوه⁷⁸.

Yang bermaksud:

“Sesiapa yang menukar agamanya (murtad) maka bunuhlah dia”

Hukuman bunuh ini wajib dikenakan kepada semua penjenayah murtad sama ada lelaki atau perempuan, tua atau muda tanpa ada sebarang perbezaan. Ini merupakan pendapat jumhur ulama⁷⁹ kecuali Imam Abū Ḥanīfah yang mengecualikan orang perempuan yang murtad dari dibunuh. Sebaliknya menggesa agar ianya bertaubat dan kembali semula kepada Islam, sekiranya tetap enggan maka dipenjara sehingga mati.⁸⁰

Menurut al-Imām al-Syāfiie, seseorang yang murtad itu terlebih dahulu diminta supaya dia bertaubat dan kembali kepada Islam dalam tempoh tiga hari. Jika sekiranya tetap enggan barulah dijatuhkan hukuman bunuh bersesuaian dengan hadis nabi tersebut⁸¹.

⁷⁸ Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (*Kitab istitāb al-murtaddin wa al-mu'ānidin wa qatalah*), (t.t), No. hadis 8, hal 54

⁷⁹ *Mawāhib al-Jalīl Li Syarh Mukhtaṣar Khalīl*, op-cit, jld 6, hal 281.

⁸⁰ Al-Imām Alā'Idīn Abī Bakar bin Mas'ūd, *Bada'i' al-ṣana'a I*, (1974), Dār al- Kitāb al-`Arabi, jld. 7, hal 135.

⁸¹ , *Nihāyah al-Minhāj*, op-cit, jld 5, hal 389.

Berdasarkan huraian di atas, jelas menunjukkan bahawa seseorang yang telah sabit dengan hukuman murtad hendaklah dijatuhkan hukuman *had* ke atasnya iaitu hukuman bunuh.

2.6.4 Hukuman Ganti

Hukuman ganti ialah apabila hukuman asal (bunuh) ke atas orang-orang yang melakukan jenayah murtad itu tidak boleh dijalankan. Maka hukuman ganti bolehlah dilaksanakan mengikut sebab-sebab yang tertentu iaitu:⁸²

- i) Hukuman asal (bunuh) digugurkan daripada orang yang murtad disebabkan dia telah bertaubat dan kembali semula kepada Islam. Maka dalam kes ini, hakim boleh menggantikan hukum asal itu dengan hukum *ta'zir* yang berpatutan sebagai pengajaran kepada dia agar tidak lagi mengulangi perbuatan terkutuk itu. Hukuman *ta'zir* itu samada mempenjara atau menyebatnya dengan kadar yang tertentu.⁸³
- ii) Hukum asal iaitu bunuh digugurkan kerana didapati ada kesamaran. Hal seperti ini pernah dijalankan oleh Imam Abū Ḥanīfah apabila beliau menggugurkan hukuman bunuh ke atas perempuan dan kanak-kanak yang telah murtad. Sebagai ganti kepada hukuman asal itu maka perempuan dan kanak-kanak tadi dijatuhkan hukuman penjara selama

⁸² Abd. Al-Qādir ‘Awdah, *al-Tasyrī fi al-Jinā'i al-Islāmi op-cit*, hal 728.

⁸³ *al-Tasyrī fi al-Jinā'i al-Islāmi*, *Ibid*

masa yang tidak dihadkan sehingga mereka bertaubat dan kembali menganut agama Islam⁸⁴

Berdasarkan kajian di atas mendapati hukuman ganti terhadap penjenayah murtad mempunyai paras dan tahap-tahapnya yang tertentu. Ianya harus dilihat kepada latarbelakang dan perkembangan penjenayah murtad tersebut.

2.6.5 Hukuman Sampingan

Hukuman sampingan ialah selain daripada hukuman bunuh maka penjenayah itu juga akan dikenakan beberapa hukuman lain berkait dengan pemilikan harta-benda, pengurusan, perwarisan dan perkahwinan.⁸⁵

Harta-benda yang dimiliki oleh orang yang murtad itu tidak boleh diwarisi oleh keluarganya yang beragama Islam.⁸⁶

Begitu juga tidak boleh bagi waris keluarga yang murtad itu untuk mereka membuat pengurusan dan penyelenggaraan dengan menggunakan harta benda peninggalan orang yang murtad itu seperti melakukan urusniaga, sewa-menyewa dan sebagainya. Bahkan segala pengurusan tersebut dianggap batil dan tidak dituntut oleh syara^c⁸⁷

84 *Al-Tasyri al-Jinā'i al-Islāmi*, *Ibid*

85 *Al-Tasyri al-Jinā'i al-Islāmi*, *Ibid*, hal. 56.

86 *Mughnī Muhtāj*, *op-cit*, jld. 10, hal. 113.

87 *Nihāyah al-Muhtāj*, *op-cit*, jld 4, hal. 281.

Berdasarkan penjelasan di atas, jelas menunjukkan bahawa murtad merupakan satu kesalahan yang amat besar di sisi Islam. Ini dapat dibuktikan dengan hukuman berat; iaitu bunuh yang dijatuhkan kepada seseorang yang murtad dari Islam. Manakala faktor-faktor murtad yang berlaku pada awal Islam merupakan satu fenomena yang tidak mustahil untuk terus berlaku pada masa yang ada sekarang ini. Oleh yang demikian, menjadi satu tanggungjawab bersama semua pihak untuk mengawasi agar gejala murtad tidak terus berlaku di dalam masyarakat Islam hari ini. Maka di sinilah tanggungjawab berdakwah diaplikasikan semaksima mungkin dalam rangka meralisasikan tuntutan Islam terutamanya membendung gejala murtad yang amat merbahaya ini.

2.7 PENGURUSAN DAKWAH PADA AWAL ISLAM DALAM MENANGANI MASALAH MURTAD

Berdasarkan huraian di atas, jelas menunjukkan bahawa fenomena murtad telah berlaku semenjak awal Islam, iaitu bermula pada masa Rasulullah s.a.w dan juga pemerintahan Abū Bakr. Justeru itu, sudah tentu berbagai bentuk perancangan, kaedah dan pengurusan yang telah diambil dalam mengatasi masalah murtad yang berlaku di zaman itu. Maka di sini dirumuskan beberapa asas panduan utama dalam bentuk pengurusan dakwah yang telah diambil pada peringkat awal Islam dalam menangani masalah murtad.

a) Kepimpinan Yang Mantap

Dalam usaha memerangi golongan murtad, kepimpinan amat penting dalam menentukan kejayaan. Justeru itu dapat dilihat apabila Khālid al-Walīd (M 21H) telah diberikan tugas yang amat besar iaitu memerangi pemimpin utama yang mendalangi golongan murtad pada zaman pemerintahan sayyidina Abū Bakr. Golongan tersebut berpusat di di Najd dan al-Yamāmah. Di Najd terdapatnya terdapatnya dua suku kaum yang murtad iaitu kaum Asad dan Gyaṭfān. Mereka mengistihar diri untuk berperang dengan kerajaan Abū Bakr. Manakala di di Yamāmah pula terdapat golongan murtad yang diketuai oleh Musāylamah al-Kazzāb.⁸⁸

⁸⁸ Abū Ja'far Muḥammad bin Jarir Al-Tabārī, *Tārīkh al-Tabārī*, (1962), Mesir, jld. 3, hal 225

Sebagai suatu tindakan terhadap golongan yang murtad, Abū Bakr telah memilih Khālid bin al-Walīd menjadi panglima dan ketua atas asas beliau memiliki kepakaran dalam berperang, gagah perkasa, memiliki semangat kepimpinan yang tinggi dan unggul, khususnya di medan perang di samping memiliki pengalaman yang amat luas dalam ilmu pertempuran, terutamanya dalam membaca strategi musuh.⁸⁹ Ternyata tentera Islam di bawah kepimpinan Khālid bin al-Walīd telah berjaya menghapuskan kedua-dua kumpulan dan mengembalikan keadaan dan suasana pulih seperti sediakala. Justeru itu faktor kepimpinan yang mantap turut memainkan peranan dalam memastikan kejayaan terhadap usaha memerangi golongan murtad .

Seorang pengkaji sirah nabawwiyah yang bernama Muḥammad Aḥmad Basymīl telah mengulas tindakan Abū Bakr dan Khālid al-Walīd dengan katanya yang bermaksud:

*Sesungguhnya kepimpinan sayyidina Abū Bakr yang taat kepada syariah Allah memberi impak yang cukup baik dalam usaha umat Islam di zamannya berusaha keras untuk membendung jenayah murtad dari terus berleluasa. Sekalipun, beliau dikenali sebagai seorang mukmin yang berjiwa lembut, tetapi, taktala berdepan dengan perkara yang mencabar akidah dan pemerintahan Islam, beliau telah menunjukkan sikap yang berani dan tegas.*⁹⁰

Di sini jelas menunjukkan bahawa kepimpinan yang mantap merupakan antara faktor terpenting dalam pengendalian urusan dakwah terutamanya dalam menangani masalah murtad.

89 *Tārīkh al-Tabarī*, *Ibid*, hal 251

90 Muḥammad Aḥmad Basymīl, *Hurūb al-Riddah*, (tt), Dar al-Fikr, cetakan pertama, 197, hal. 57

b) Organisasi Yang Mantap

Rasulullah s.a.w telah menunjukkan *qudwah* yang baik dalam menyusun organisasi agar ia teratur dan mantap. Baginda telah mengutus beberapa orang sahabat untuk menasihati golongan yang murtad di zamannya. Seorang sahabat bernama Tulayḥah diutus kepada kaum *Bani Asad* untuk berdakwah bagi memberi kefahaman tentang Islam dengan jelas.⁹¹ Kerjasama yang ditunjukkan oleh umat Islam di bawah pemerintahan Rasulullah s.a.w ini diteruskan oleh saidina Abū Bakr al-Siddīq. Sebagaimana yang dimaklumi, bahawa sahabat-sahabat berbeza pendapat dalam memutuskan tindakan yang perlu di ambil untuk membanteras golongan yang murtad. Sehingga akhirnya, Sayyidina Abū Bakr telah mengambil keputusan untuk memerangi mereka sekalipun suara ramai tidak berpendapat sedemikian. Tetapi, sayyidina Abū Bakr mampu menyatukan barisan umat Islam di kala itu agar bersatu memerangi golongan murtad. Penyatuan yang ditegakkan dari kepelbagai pendapat ini adalah satu tanda bahawa umat Islam pada zaman itu mempunyai kekuatan persaudaranan dan keimanan yang kuat. Organisasai umat yang mantap ini menggerunkan pihak musuh dan menundukkan beberapa golongan yang terpedaya dengan dakyah yang menyeru kepada murtad.⁹²

Sayyidina Abū Bakr dalam rangka untuk menangani masalah murtad ini telah menubuhkan organisasi yang khusus dengan diketuai oleh berapa orang sahabat di antaranya Khālid bin al-Walīd, ‘Amr al-‘Aṣ, Turayfah bin al-Hajīz, Khālid bin Sa‘id dan lain-lain lagi.⁹³ Mereka dihantar ke tempat yang berlainan seperti Yaman, Najd dan al-

⁹¹ *Tārikh al-Tabarī*, op-cit , hal 260

⁹² *Tārikh al-Tabarī*, ibid , hal 260

⁹³ *Tārikh al-Tabarī*, op-cit , Ibid, hal 251

Yamāmah. Penubuhan kumpulan-kumpulan ini memberi ruang kepada setiap ahlinya menumpukan usaha membasmi gejala murtad di kawasan masing-masing.

c) Pengurusan Syura

Allah s.w.t menjelaskan tentang tuntutan syura di dalam firmannya :

وشاورهم في الامر⁹⁴

Maksudnya :

“Dan berbincanglah dalam sesuatu perkara”

Tidak dapat dinafikan bahawa Rasulullah s.a.w dan para sahabat sentiasa mengamalkan sistem syura dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Sunnah ini diteruskan oleh *al-Khulafa’ al-Rāsyidīn* pada zaman pemerintahan mereka.

Dalam menangani masalah murtad yang berlaku, Sayyidina Abū Bakr *al-Siddīq* contohnya, beliau telah mengumpulkan pandangan para sahabat seperti Sayyidina ‘Umar, Ibn ‘Abbas, Sayyidina ‘Alī dan lain-lain lagi. Sikap beliau yang menghormati sistem ini tidak boleh ditolak sekalipun beliau tidak mengambil suara ramai dalam membuat keputusan berhubung masalah kewujudan golongan yang murtad. Keputusan yang diambil oleh Sayyidina Abū Bakr adalah dikira bersesuaian dengan nas-nas al-Qur'an dan

⁹⁴ Ali-'Imrān: 159

Hadith dalam menjaga maruah Islam. Hakikat ini dijelaskan oleh ‘Abd Allāh bin Mas’ūd r.a menerusi kata-katanya yang berbunyi⁹⁵ yang bermaksud:

“Jika sekiranya Allah tidak menganugerahkan kepada Abū Bakr akan kurniawannya, nescaya kita tidak akan turun untuk menentang orang-orang yang murtad itu. Maka dengan itu jadilah kita sentiasa dalam keadaan hina kerana kecuaian tersebut.”

Apa yang penting ialah akhlak Abū Bakr dalam melaksanakan tugas sebagai seorang pemimpin dan pendakwah yang telah beramal dengan semangat syura telah mewujudkan satu bentuk perlaksanaan dakwah yang mantap dan jitu sehingga berjaya membenteras gejala murtad pada zamannya.

d) Penguatkuasaan Undang-Undang

Dalam syariat Islam, hukuman bunuh terhadap penjenayah murtad merupakan undang-undang Allah yang diwahyukanNya kepada nabi Muhammad s.a.w melalui malaikat Jibril yang disebutkan di dalam al-Qur'an dan Hadith. Undang-undang ini mengatasi perlembagaan yang dibuat oleh tangan manusia yang bercanggah dengan undang-undang Allah.

Oleh itu dalam usaha membanteras jenayah murtad dari terus berlaku, Rasulullah s.a.w dan para *al-khulafa' al-Rāsyidūn* telah bertindak melaksanakan undang-undang Allah tanpa ragu-ragu dan sebarang takwil. Penegasan Rasulullah s.a.w sendiri melalui sabdanya yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās r.a:

⁹⁵ Al-Saykh al-Balāzīrī, *Fatḥ al-Buldān*, (tt), Tahqīq Solāh-al-Dīn al-Munjid, jld 1, hal. 113

Maksudnya :

Sesiapa yang menukar agamanya (murtad), maka bunuhlah dia.

Untuk melihat dengan lebih jelas dan terperinci, penulis nukilkhan satu peristiwa di mana Rasulullah s.a.w. telah menghukum bunuh terhadap seorang murtad yang bernama Miqyas bin Ṣubābah al-Kināñī. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun yang kesepuluh hijrah, iaitu selepas pembukaan kota Mekah. Melalui tindakan Nabi s.a.w. tersebut menjadi pengajaran yang amat besar kepada masyarakat Islam yang lain agar tidak mengikuti contoh buruk sebagaimana yang telah dilakukan oleh Miqyas bin Ṣubābah al-Kināñī. Dr. ‘Alī ‘Atūm dalam mengulas peristiwa tersebut mengulas bahawa tindakan melaksanakan undang-undang Islam tersebut adalah lahir dari ketataan beliau terhadap syariat Allah demi untuk menjaga kesucian dan ketinggian Islam.⁹⁷

e) **Menganalisa Masalah Berdasarkan Keutamaan**

Semenjak dari zaman Rasulullah s.a.w lagi, baginda bertindak mengenal pasti sebab-sebab yang mendorong berlakunya murtad dan baginda mengatasinya mengikut kesesuaian dan keutamaan. al-Ḥārith bin Suwāyd ibn al-Ṣāmit al-Ansārī merupakan seorang munafiq yang tidak pernah ikhlas jiwanya kepada Islam.⁹⁸ Beliau telah cuba untuk membunuh Rasulullah s.a.w kerana perasaan dendamnya terhadap Rasulullah s.a.w. dan beliau diperintahkan bunuh oleh Rasulullah s.a.w.

⁹⁶ Sila lihat takhrij hadis ini pada hal 35.

⁹⁷ ‘Alī, al-‘Atūm, *Harakah al-Riddah*, al-Maktabah al-Risālah al-Ḥadithah, (1987), hal 261

⁹⁸ Ibn Hisyām, *Sirah ibnu Hisyām*, op-cit, jld. 2, hal 89

Begitu juga dengan segolongan di kalangan Banū Asad yang telah pergi bertemu dengan Rasulullah s.a.w dan mendakwa mereka telah memcluk agama Islam seraya berkata :

"Wahai Rasulullah s.a.w sesungguhnya sekarang ini kami telah merebut Islam. tetapi kami mendapati kamu masih lagi berperang dan membunuh manusia, sedangkan kami semasa zaman jahiliyah tidak membunuh manusia"

Lantas Rasulullah s.a.w. menjawab :

"Sesungguhnya kefahaman mereka terhadap agama Islam amat sedikit. dan syaitan telah bercakap melalui bahasa-bahasa mereka sehingga berjaya mempengaruhi mereka menjadi kufur"⁹⁹

Maka turunlah ayat al-Qur'an yang berbunyi:

يَمْنُونَ عَلَيْكَ أَنْ اسْلَمُوا قَلْ لَا تَمْنُوا عَلَى اسْلَمِكُمْ بِلَ اللَّهِ يَعْلَمُ عَلَيْكُمْ أَنْ هَذِكُمْ لَلَّاهِمَنْ أَنْ كُنْتُمْ¹⁰⁰

صَدَقَيْنَ

Yang bermaksud :

"Mereka merasa telah memberi nikmat kepada mu dengan keislaman mereka. Katakanlah "Jangan kamu merasa telah memberi nikmat kepadaku dengan keislaman mu, sebenarnya Allah, Dialah yang melimpahkan kepadamu dengan menunjuki kamu keimanan jika kamu adalah orang-orang yang benar.

Al-Tabarī di dalam tafsirnya menjelaskan bahawa telah terbukti selepas daripada itu iaitu kebanyakkan individu dari Bani Asad menjadi murtad berpunca daripada ketidakfahaman mereka terhadap konsep Islam dan nas-nasnya. Rasulullah s.a.w telah

⁹⁹ *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm, op-cit*, jld. 4, hal 219

¹⁰⁰ Al-Hujurat: 17

¹⁰¹ *Ibid*, hal 185

mengarahkan sahabatnya yang bernama Tulayḥah berdakwah dan memujuk mereka kembali kepada Islam.¹⁰¹

Tindakan Rasulullah ini dilihat sebagai satu langkah pemulihan ke arah mengembalikan akidah umat Islam yang telah murtad itu ekoran daripada ketidakfahaman mereka terhadap asas-asas ajaran Islam.

f) Penjana kepekaan masyarakat

Memandangkan jenayah murtad ini merupakan jenayah yang berat menurut perspektif Islam, maka adalah wajar bagi seluruh umat Islam itu berganding bahu untuk menanganinya mengikut kadar keupayaan masing-masing. Untuk menjayakan tujuan ini, Rasulullah s.a.w sendiri bertindak menjana kepekaan umat Islam terhadap jenayah murtad yang mengancam akidah umat Islam. Ini dapat dilihat melalui pengumuman terhadap peristiwa mutad ini dilakukan oleh Rasulullah s.a.w untuk menyedarkan umat Islam terhadap ancaman jenayah ini dan tipu daya musuh yang berusaha untuk menyesatkan umat Islam.

Sebagai contoh, dalam menangani peristiwa kemurtadan Musāylamah al-Kazzāb di Yaman dan Tulayḥah al-Asad,¹⁰² Allah s.w.t. telah memperlihatkan kepada Rasulullah tipu daya mereka, dan Rasulullah s.a.w telah mengumumkannya di atas mimbar dengan menegaskan bahawa telah terdapat di kalangan ahli Yaman dan ahli Yamāmah yang telah murtad daripada Islam.¹⁰³

¹⁰² Ibn Hisyām, *Sīrah Ibn Hisyām*, ibid, jld 2, hal. 599

Contoh yang lain berlaku ketika Rasulullah s.a.w sedang menanggung sakit di hujung hayatnya. Baginda telah didatangai oleh perkhabaran bahawa al-Aswad al-'Anasi telah murtad di Yaman dengan mengisitiarkan dirinya sebagai nabi utusan Allah.¹⁰⁴ Tanpa berlengah Rasulullah terus mengisitiarkan untuk memerangi al-Aswad dan mengamanahkan kepada Fayrūz dan Jasyīs supaya melaksanakan tugas tersebut.¹⁰⁵

Pengisitiaran untuk memerangi golongan murtad ini seperti yang dilakukan oleh Nabi Muahmmad s.a.w dan saidina Abū Bakr pada zamannya adalah satu simbolik untuk menyedarkan masyarakat sekeliling tentang bahaya murtad. Hasil daripada itu, umat Islam yang benar-benar menyerahkan *walā'* nya kepada pimpinan Baginda dan Sayyidina Abu Bakr pada zamannya telah bersama-sama bertindak memerangi golongan yang murtad.

Demikianlah gambaran tentang bentuk pengurusan serta peranan yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah dan para sahabatnya dalam rangka membasmi gejala murtad yang berlaku pada awal Islam. Dalam masa yang sama Rasulullah s.a.w. dilihat sebagai *role-model* kepada mana-mana institusi dakwah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka ketika berdakwah kepada umat manusia pada bila-bila masa dan di mana jua mereka berada. Oleh itu sewajarnya umat Islam mengambil pengiktiran dan *duriüs* daripada peranan, tindakan, bentuk pengurusan, strategi serta *approach* dalam berdakwah terutama bagi membasmi gejala murtad yang berlaku di Lembah Klang.

¹⁰³ Al-Imam al-Tabarī, *Tārikh at-Tabarī*, op-cit , hal 185

¹⁰⁴ *Ibid* , hal 187